

PROJEK TAHUN AKHIR
DIPLOMA SENIREKA GRAFIK
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

MAJALAH-MAJALAH
HIBURAN TEMPATAN
SATU KAJIAN
MENGENAI
PEKALETAKNYA.

SUHAIMI BIN MUSTAPHA
JULAI 1990

KANDUNGAN

| Bab | Mukasurat |
|---|-----------|
| Pengantar | 1 |
| Penghargaan | 11 |
| | |
| 1.0. PENGENALAN | |
| 1.1. OBJEKTIF KAJIAN | 1 |
| 1.2. SKOP KAJIAN | 3 |
| 1.3. METHODOLOGI | 5 |
| | |
| 2.0. MAJALAH HIBURAN | |
| 2.1. MATLAMAT SYARIKAT MENERBITKAN MAJALAHNYA (MAJALAH HUMOR) | 7 |
| 2.2. PERBEZAAN DI ANTARA MAJALAH HIBURAN BERBENTUK FILEM DAN LAGU DENGAN MAJALAH HIBURAN BERBENTUK HUMOR | 10 |
| 2.3. LANGKAH-LANGKAH SYARIKAT PENERBITAN DI DALAM MENARIK MINAT MASYARAKAT | 14 |
| | |
| 3.0. REKALETAK MAJALAH HIBURAN | |
| 3.1. DEFINASI REKALETAK | 21 |
| 3.2. DEFINASI MAJALAH | 23 |
| 3.3. DEFINASI HIBURAN | 25 |
| 3.4. REKALETAK MAJALAH | 28 |

PENGHARGAAN

Di dalam proses penyediaan tesis ini yang semestinya memerlukan maklumat, bimbingan, galakan serta sokongan pelbagai pihak. Tanpa kerjasama daripada mereka juga mungkin tesis ini tidak akan berjaya. Dengan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada :

1. Penasihat : Encik Aris Abdullah
Pensyarah Senireka Grafik (Advertising)
2. Encik Jaafar Taib
Pengarah Penerbitan & Penasihat
Creative Enterprise Sdn. Bhd.
3. Encik Azmi b Kassim
Pengarah Grafik
Jabatan Percetakan Negara.
4. Encik Sulaiman (Sulik)
Sulik Design Consultant.
5. Encik Aman dan Malee
Pereka Grafik (Kartunis)
Creative Enterprise Sdn. Bhd.
6. Encik Adimus Putra
Penerbit Majalah Variapop
Variapop Group Sdn. Bhd.
7. Encik Zainuddin (Din Umbai)
Pereka Grafik Variapop Group Sdn. Bhd.
8. Encik Adbul Rahim b Ibrahim
Pereka Grafik Jabatan Percetakan Negara.
9. Encik Roslan b Aziz
Pengurus Pentadbiran
Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

1.0. PENGENALAN.

1.1. OBJEKTIF KAJIAN.

- 1) Mengetahui lebih lanjut lagi mengenai sejauh manakah rekaletak dititikberatkan di dalam pencapaian matlamat sesebuah syarikat penerbitan majalah hiburan tempatan keluarannya.
- 2) Memberi penyedaran kepada masyarakat bahawa di dalam bidang kerja grafik, rekaletak juga memainkan peranan penting daripada segi corak persembahan sesuatu majalah untuk menentukan kekemasan, keunikan dan sebagai daya tarikan kepada pembaca.
- 3) Mengkaji dengan lebih mendalam lagi bagaimana seseorang pereka letak (pereka grafik) itu meningkatkan lagi kualiti kerjayanya sebagai langkah untuk terus menarik minat pembaca.

- 4) Mengetahui bagaimanakah sesebuah syarikat penerbitan majalah hiburan tempatan dapat mengekalkan identiti rekaletaknya (gaya tersendiri) dan mengapakah ia mengekalkannya dan tidak akan mengubahnya secara mendadak.
- 5) Kerana pada kebiasaannya, majalah hiburanlah yang sering menjadi perhatian masyarakat tidak kira daripada segi peringkat umur atau status. Dan sebagai sesebuah majalah yang bercorak hiburan maka cara penyusunan rekaletaknya adalah agak berlainan berbanding dengan majalah-majalah formal yang lain dan oleh itu dari segi psikologikalnya di sini bukan sahaja kandungan gambar atau ilustrasi sahaja yang bertemakan hiburan, tetapi juga dipengaruhi oleh rekaletaknya.
- 6) Penjagaan mutu majalah hiburan tempatan dari segi rekaletaknya adalah sama tarafnya dengan majalah-majalah hiburan keluaran luar negeri supaya majalah tempatan tidak dikatakan ketinggalan zaman atau tidak berkualiti dan membosankan.